

D.R. 45/96

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta (Perbadanan) *Synod Diocese* Malaysia Barat 1971.

[]

BAHAWASANYA pada 8 April 1970 *Synod Diocese* Malaysia Barat telah ditubuhkan di Malaysia mengikut kuasa yang diberikan oleh *Archbishop of Canterbury*, sebagai *Metropolitan* yang ketika itu mempunyai bidang kuasa mengenai Mazhab *Anglican* di dalam Malaysia Barat:

DAN BAHAWASANYA *Synod Diocese* Malaysia Barat dan pengganti-penggantinya telah diperbadankan melalui Akta (Perbadanan) *Synod Diocese* Malaysia Barat 1971:

DAN BAHAWASANYA adalah suaimanfaat sekarang fungsi-fungsi *Archbishop of Canterbury* di bawah Akta itu dipindahkan kepada *Archbishop of the Province of the Anglican Church in South-east Asia*:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan

persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

Tajuk ringkas
dan mula
berkuatkuasa.

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta (Perbadanan) *Synod Diocese* Malaysia Barat (Pindaan) 1996 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 2 Februari 1996.

Pindaan
seksyen 3.
Akta 36.

2. Akta (Perbadanan) *Synod Diocese* Malaysia Barat 1971 adalah dipinda dalam subseksyen 3(2) dan 3(5) dengan menggantikan perkataan "*Canterbury*" dengan perkataan "*the Province of the Anglican Church in South-east Asia*".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini adalah perlu disebabkan oleh perpindahan fungsi *Archbishop of Canterbury* di bawah Akta (Perbadanan) *Synod Diocese* Malaysia Barat 1971 kepada *Archbishop of the Province of the Anglican Church in South-east Asia* berbangkit daripada penubuhan *Province* itu pada 2 Februari 1996.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang.

[PN. (U²) 1951.]